

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah dasar-dasar Kerajaan yang perlu diubah atau ditambah baik untuk membolehkan Malaysia menjadi lebih berdaya saing serta menjadi destinasi pilihan utama bagi syarikat-syarikat pangkalan data seperti Google dan sebagainya?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengamalkan dasar terbuka dan sentiasa responsif dalam melaksanakan dasar-dasar yang mesra pelabur, khususnya kepada syarikat pangkalan data. Sepertimana kita sedia maklum, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia atau MyDIGITAL merupakan suatu dasar induk yang komprehensif yang telah dibangunkan dan mempunyai sasaran yang ditetapkan menjelang 2050 iaitu menarik RM70 bilion pelaburan dalam pendigitalan. Fokus diberikan terhadap pembinaan ekosistem infrastruktur digital yang mesra pelabur secara menyeluruh dari segi dasar, tadbir urus dan prosedur. Pelbagai inisiatif telah digariskan dalam inisiatif MyDIGITAL yang sedang dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi mencapai sasaran ini.

SOALAN NO : 55

Berkaitan proses pelaksanaannya secara terperinci pula, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Penyelarasan Pelaburan Pusat Data atau DCICTF (*Data Centre Investment Coordination Task Force*) yang dipengerusikan bersama oleh KKMM dan MITI bagi memudah cara dan fasilitasi kepada para pelabur pangkalan data yang berminat melabur di Malaysia dalam menyediakan persekitaran pelaburan yang menarik. DCICTF ini akan meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh para pelabur pangkalan data, seterusnya mendapatkan penyelesaian seperti mengenal pasti dasar-dasar yang perlu diubah atau ditambah baik bagi membolehkan Malaysia lebih berdaya saing serta menjadi destinasi pilihan utama untuk pelabur.

KKMM juga terus komited untuk menarik pelaburan dan akan memperkasa *Digital Investment Office* (DIO) sebagai platform pemudahcara untuk membincangkan pelaburan berkualiti, khususnya berkaitan pendigitalan dari dalam dan luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]**
TARIKH : **11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan dan impak terhadap ekonomi negara akibat penularan pandemik COVID-19. Nyatakan keberkesanan pakej-pakej bantuan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan M40 dan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2020 berikutan penularan wabak COVID-19 merupakan krisis yang terburuk sejak era *the Great Depression* pada tahun 1930an. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia turut mengalami kesan yang ketara dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat penguncupan sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020 berikutan langkah pembendungan yang ketat bagi mengawal pandemik COVID-19.

Sehubungan itu, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memulihkan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di samping melindungi nyawa dan kehidupan rakyat. Antara inisiatif utama untuk terus menyokong sektor yang terkesan dan merancakkan semula aktiviti ekonomi adalah melalui pelaksanaan:

- i. Lapan (8) pakej rangsangan ekonomi dan bantuan yang komprehensif bernilai RM530 bilion sejak bulan Mac tahun 2020 (2020: RM305 bilion, 2021: RM225 bilion);
- ii. Pelan Ekonomi Negara yang menggunakan pendekatan strategi 6R (*Resolve, Resilience, Restart, Recovery, Revitalise dan Reform*);
- iii. Langkah dalam Belanjawan 2021 dengan peruntukan berjumlah RM322.5 bilion; dan
- iv. Pelan Pemulihan Negara atau PPN yang merupakan *roadmap* bagi memudahkan peralihan keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan secara berfasa.

Daripada nilai keseluruhan pakej rangsangan dan bantuan komprehensif yang telah diumumkan, setakat 27 Ogos 2021, sebanyak RM249.75 bilion telah disalurkan. Inisiatif-inisiatif di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi termasuk:

- a. Bantuan Prihatin Rakyat berjumlah RM9.6 billion yang memanfaatkan seramai 8.5 juta penerima;
- b. Geran Khas Prihatin yang bernilai RM6.08 billion memanfaatkan sebanyak 1 juta mikro perusahaan mikro;
- c. Bantuan Khas COVID(BKC) yang bernilai RM4.6 billion memanfaatkan sebanyak 10 juta penerima;
- d. Bantuan Bakul Makanan yang bernilai RM148 juta telah diagihkan kepada 2.29 juta ketua isi rumah;
- e. Program Subsidi Upah di mana RM18.3 billion telah disalurkan bagi memanfaatkan 353 ribu majikan dan 2.909 juta pekerja;
- f. Bantuan Moratorium Bersasar bernilai RM429 billion yang memanfaatkan 3.44 juta rakyat dan RM118 bilion yang memanfaatkan 98 ribu perniagaan; dan
- g. Diskaun bil elektrik yang berjumlah RM985 juta memanfaatkan 8.79 juta rakyat dan RM45 juta memanfaatkan 11.5 ribu perniagaan.

Bantuan-bantuan yang dirangka khusus ini adalah sejajar dengan objektif pelaksanaan PPN merentasi kelompok pendapatan rakyat serta usaha bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan kehidupan rakyat serta kemampuan pertumbuhan ekonomi agar kesan buruk pandemik COVID-19 tidak berpanjangan. Sekian, terima kasih.